

Khamis, Apr 19 2018

PRU14 tidak beri kesan kepada ekonomi

KAMPAR - PRU14 yang akan diadakan pada 9 Mei ini, tidak akan memberi kesan kepada ekonomi, malah dapat mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata, ia berikutan keyakinan pelbagai pihak termasuk

SA 19/4
pelabur asing bahawa kerajaan sedia ada akan terus menadbir selepas PRU14, sekaligus membolehkan mereka meneruskan pelaburan di sini.

"Pelabur asing mempunyai keyakinan tinggi dengan prestasi bursa saham, ringgit Malaysia yang semakin mengukuh, harga minyak bertambah baik, malah kerajaan juga dapat menambah wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sekaligus daripada RM400 kepada RM800.

"Ini membuktikan keadaan ekonomi negara berada dalam keadaan terbaik untuk

m e n g h a d a p i
PRU14 dan
saya yakin ia
tidak akan
m e m b e r i
kesan ter-
hadap
ekono-

mi negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Bersama Rakyat di Arena Rakyat Tualang Sekah di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Irwan berkata, petunjuk ekonomi negara pada suku pertama tahun ini juga menunjukkan kedudukan ekonomi Malaysia dalam prestasi baik untuk mencapai pertumbuhan antara 5.5 hingga 6.0 peratus.

"Prestasi ekonomi negara bagi suku pertama tahun ini akan diumumkan sekitar Mei nanti.

"Namun jika dilihat perkembangannya setakat ini, ia amat membanggakan kerana eksport negara merekodkan pertumbuhan dua angka, jadi aliran masuk pelaburan sungguh baik," katanya. -
Bernama



MOHD
IRWAN